

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 19 JULAI 2022 (SELASA)

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mencari penyelesaian harga tiket penerbangan yang terlalu tinggi semasa musim perayaan dan apakah hasil siasatan KPDNHEP tentang isu kenaikan harga tiket penerbangan yang melampau pada musim perayaan serta perkembangan perbincangan dengan syarikat penerbangan untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Keluarga Malaysia, Kementerian Pengangkutan memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan yang tinggi serta di luar kemampuan terutamanya semasa musim perayaan.

Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (*Malaysian Aviation Consumer Protection Code 2016*, MACPC) telah dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) mulai 1 Julai 2016. Kod ini bertujuan untuk melindungi hak dan kepentingan pengguna dengan memastikan semua aduan terhadap syarikat-syarikat penerbangan diambil tindakan dan diselesaikan. Dengan berkuatkuasanya MACPC, isu berkaitan perlindungan pengguna penerbangan telah diletakkan di bawah tanggung jawab MAVCOM dan bukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Bagi menangani masalah harga tiket penerbangan yang tinggi, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan perbincangan dengan MAVCOM dan syarikat-syarikat penerbangan domestik bagi memastikan harga tiket penerbangan yang ditawarkan adalah kompetitif. Hasil perbincangan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menambah kapasiti penerbangan dari semasa ke semasa bergantung kepada permintaan.

Hasil penelitian MAVCOM, harga tiket penerbangan kelas ekonomi sehala ke kebanyakan destinasi dari Semenanjung ke Wilayah Sabah dan Sarawak telah **menunjukkan penurunan ketara** bagi tempoh penerbangan untuk musim perayaan Hari Raya Aidilfitri 2022 iaitu dari 27 April hingga 8 Mei 2022.

Berdasarkan pemerhatian oleh MAVCOM pada 22 Jun 2022, harga tambang penerbangan sehala kelas ekonomi bagi tempoh penerbangan untuk musim perayaan Tahun Baru Cina 2023 iaitu dari 18 hingga 26

Januari 2023 (“tempoh pemerhatian”), adalah antara RM105 hingga RM1,235, manakala bagi 20 hingga 21 Januari 2023 (“tempoh puncak”), harga tambang sehala adalah antara RM165 hingga RM1,080. Daripada julat harga tambang tersebut, **majoriti** harga tiket penerbangan tersedia untuk pembelian bagi semua laluan ekonomi sehala ke Wilayah Sabah dan Sarawak pada tempoh yang dipantau adalah di bawah RM400.

Kos perjalanan udara boleh menjadi lebih berpatutan sekiranya kesedaran pengguna dapat ditingkatkan supaya merancang perjalanan lebih awal, memahami jenis perkhidmatan penerbangan yang disediakan oleh syarikat-syarikat penerbangan domestik serta memahami bahawa harga tambang ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran.

Kementerian Pengangkutan melalui MAVCOM akan meneruskan pemantauan terhadap harga tiket penerbangan bagi semua laluan penerbangan domestik termasuk laluan-laluan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.